

Headline	Penjanaaan elektrik negara melalui Tenaga Boleh Baharu		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	31 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	7
ArticleSize	771 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 46,134		



Penjanaaan elektrik negara : melalui Tenaga Boleh Baharu

PENYELARASAN semula kadar tarif elektrik merupakan salah satu langkah proaktif yang diambil bagi memastikan tarif yang dikenakan selaras dengan rasionalisasi subsidi negara dan kenaikan harga bahan api di pasaran global.

Bagi Semenanjung Malaysia, 94.8 peratus daripada campuran bahan api adalah daripada sumber fosil iaitu gas sebanyak 51.5 peratus dan 43.3 peratus merupakan arang batu. Bakinya pula sumber hidro sebanyak 4.2 peratus dan satu peratus daripada Tenaga Boleh Baharu (TBB).

Usaha untuk beralih kepada penggunaan sumber TBB bukan sahaja mampu mengurangkan kebergantungan berterusan terhadap sumber tenaga asli, malah secara tidak langsung membantu menyelamatkan bumi daripada terus menghadapi pelbagai masalah perubahan iklim secara mendadak.

Ia juga merupakan langkah yang diambil di peringkat global di mana usaha mempromosikan TBB giat dilaksanakan seluruh dunia.

TBB dikenal pasti sebagai salah satu daripada inisiatif yang akan mengurangkan pengeluaran karbon negara secara ketara selaras dengan komitmen Malaysia untuk mengurangkan intensiti bahan itu sehingga 40 peratus menjelang tahun 2020.

Bagaimanapun, ketika ini kos penjanaaan TBB jauh lebih tinggi dan tidak kompetitif berbanding penjanaaan elektrik daripada sumber fosil berkapasiti besar.

Kos yang lebih tinggi itu menyebabkan para pelabur dan utiliti elektrik kurang berminat untuk melabur dalam TBB.

Sehubungan itu, kerajaan memperkenalkan mekanisme Tarif Galakan atau *Feed-in Tariff* (FiT) untuk menggalakkan penggunaan TBB dalam penjanaaan elektrik.

Mekanisme FiT telah berjaya dilaksanakan dengan berkesan di negara-negara seperti Jerman yang juga dikenal pasti sebagai pemangkin utama kepada pertumbuhan TBB.

Mekanisme FiT

Pelaksanaan FiT bertujuan menggalakkan pertumbuhan TBB di Malaysia. Selain itu, mekanisme FiT dilihat akan membuka peluang kepada pelabur-pelabur tempatan dan luar untuk melibatkan diri dalam industri penjanaaan tenaga elektrik di Malaysia.

Seterusnya, usaha itu juga membuka peluang pekerjaan dan menghasilkan kesan gandaan yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara seperti yang disasarkan di bawah Program Transformasi Ekonomi.

Bagi memastikan pelaksanaan mekanisme FiT berjaya, Akta TBB 2011 telah mewujudkan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) yang merupakan satu dana terkumpul dikutip melalui

bayaran atau caj tambahan satu peratus yang dikenakan ke atas pengguna elektrik.

Bayaran ini bagi membolehkan pemaju TBB menerima pembayaran tarif premium bagi tenaga yang dijana seperti mana telah dipersetujui tetapi, hanya dikenakan kepada pengguna yang menggunakan tenaga elektrik melebihi 300 kilowatt-jam (kWj) atau lebih RM77 sebulan.

Kutipan daripada pengguna ini akan digunakan untuk menampung kos tambahan bagi tarif premium yang perlu dibayar kepada pemaju-pemaju TBB yang menjual tenaga hijau kepada pihak utiliti.

Dengan adanya dana TBB ini, semua pihak termasuklah individu berpeluang untuk bersama-sama menjana elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu di samping mendapat pulangan yang berpatutan selain menjamin bekalan tenaga dan pemuliharaan alam sekitar.

Bagaimanapun, ekoran daripada penyelarasan semula kadar tarif elektrik di Semenanjung ini, maka kerajaan mengambil keputusan untuk turut menyelaraskan semula kadar sumbangan untuk KWTBB.

Penyelarasan ini akan menjadikan jumlah kutipan daripada pengguna-pengguna elektrik meningkat

daripada satu peratus kepada 1.6 peratus berkuatkuasa 1 Januari 2014.

Kutipan ini akan melibatkan semua pengguna elektrik kecuali pengguna domestik yang menggunakan elektrik kurang daripada 300 kWj sebulan dan ke bawah.

Langkah penyelarasan itu dilakukan agar lebih banyak kuota dapat ditawarkan sekali gus mempertingkatkan sumbangan sumber tenaga TBB dalam campuran bahan api.

Mekanisme FiT ini dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Sustainable Energy Development Authority - SEDA Malaysia) iaitu badan berkanun yang ditubuhkan melalui penguatkuasaan Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2011.

SEDA Malaysia juga mempunyai kuasa undang-undang untuk melaksanakan dan menguatkuasakan Akta Tenaga Boleh Baharu bagi menyokong pelaksanaan mekanisme FiT.

Bagi menjamin ketelusan dalam pengurusan wang yang dikutip untuk dana TBB, SEDA Malaysia akan mengumumkan laporan kewangan berkaitan perbelanjaan, pembayaran daripada dana TBB kepada penerima-penerima FiT, yuran-yuran pentadbiran utiliti dan pihak berkuasa Tenaga Lestari.

TBB dikenal pasti sebagai salah satu daripada inisiatif yang akan mengurangkan pengeluaran karbon negara secara ketara selaras dengan komitmen Malaysia untuk mengurangkan intensiti bahan itu sehingga 40 peratus menjelang tahun 2020

Headline	Penjanaan elektrik negara melalui Tenaga Boleh Baharu		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	31 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	7
ArticleSize	771 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 46,134		

Perbezaan impak kutipan Tenaga Boleh Baharu (TBB)

Tahun	Sasaran TBB (NREPA 2010)	Pencapaian Unjuran Sasaran TBB (kutipan satu peratus)	Pencapaian Unjuran Sasaran TBB (kutipan 1.6 peratus)
2020	2,080	709 (34 peratus)	903 (43 peratus)
2025	2,865	791 (28 peratus)	1,069 (37 peratus)



SEKOLAH Kebangsaan Ladang Mutiara, Kluang, Johor menerima bekalan elektrik selepas anak syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB), TNB Energy Services Sdn. Bhd.(TNBES) mendirikan Stesen Solar Hibrid (SSH) di sekolah itu.

Headline	Penjanaan elektrik negara melalui Tenaga Boleh Baharu		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	31 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	7
ArticleSize	771 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 46,134		



KENAIKAN harga bahan api utama iaitu arang batu dan gas mendorong dunia menggiatkan usaha menggunakan Tenaga Boleh Baharu untuk menjana tenaga elektrik.